



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

MUKJIZAT ISRAK DAN MIKRAJ MELANGKAUI TEKNOLOGI

Tarikh Dibaca :

**6 Syaaban 1440H /
12 April 2019M**

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah Dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**MUKJIZAT ISRAK DAN MIKRAJ MELANGKAUI TEKNOLOGI**

12 April 2019M/ 6 Syaaban1440H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَى، وَفَضَّلَهُ
وَاصْطَفَاهُ وَخَصَّهُ مِنَ الْمَوَاهِبِ بِمَا لَا يَحْصَى وَلَا يُحْصَى. أَحْمَدُهُ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا لَا
يَعُدُّ وَلَا يُحْصَى.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ خَلَقَ فَسَوَّى وَقَدَّرَ فَهَدَى. وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا
عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَخْصُوصُ بِالْإِسْرَاءِ وَالْمِعْرَاجِ وَالْمَقَامِ الْمَحْمُودِ وَالشَّفَاعَةِ الْعُظْمَى. اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى عَبْدِكَ وَرَسُولِكَ مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُ وَاهْتَدَى.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَنَّا
حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Marilah kita sama-sama meningkatkan darjat ketakwaan dan keimanan kepada Allah *Subhanahu wa taala* dengan bersungguh-sungguh melaksanakan perintahnya dan meninggalkan segala tegahannya, mudah-mudahan kita akan berbahagia di dunia dan akhirat.

Mimbar pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk “**Israk Dan Mikraj Melangkaui Teknologi**”.



Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan salah satu tanda kekuasaan Allah SWT yang diperlihatkan kepada hamba-Nya. Tanpa iman yang kukuh di hati sudah tentu amat sukar untuk diterima akan kebenarannya. Peristiwa Israk sebagaimana yang telah dirakamkan oleh Allah di dalam Surah al-Israk, ayat pertama:

Yang bermaksud, *“Maha Suci Allah, yang telah memperjalankan hamba-Nya pada suatu malam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa yang telah kami berkati sekelilingnya agar kami memperlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kekuasaan) Kami, Sesungguhnya Dia adalah yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat”*.

Lihatlah betapa bernilainya peristiwa ini dalam Islam sehingga Allah SWT menamakan satu surah dalam al-Quran dengan nama surah al-Israk.

Ulama bersepakat mengatakan perjalanan agung ini berlaku selepas Rasulullah SAW dilantik menjadi Rasul dan sebelum Baginda SAW berhijrah dari Makkah ke bumi Yathrib. Allah SWT telah merakamkan peristiwa Mikraj ketika baginda naik ke langit menerusi firman-Nya dalam Surah al-Najm, ayat 13–18:

وَلَقَدْ رَءَاهُ نَزْلَةً أُخْرَىٰ ﴿١٣﴾ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَىٰ ﴿١٤﴾ عِنْدَهَا جَنَّةُ الْمَأْوَىٰ ﴿١٥﴾ إِذْ يَغْشَى السِّدْرَةَ
مَا يَغْشَى ﴿١٦﴾ مَا زَاغَ الْبَصَرُ وَمَا طَغَىٰ ﴿١٧﴾ لَقَدْ رَأَىٰ مِنْ آيَاتِ رَبِّهِ الْكُبْرَىٰ ﴿١٨﴾

Bermaksud: "Dan sesungguhnya Muhammad telah melihat Jibril (dalam bentuknya yang asal) pada waktu yang lain (iaitu) di Sidratul Muntaha. Berhampiran dengannya terdapat syurga sebagai tempat tinggal. (Muhammad



melihat Jibril) ketika Sidratul Muntaha diliputi oleh sesuatu yang meliputinya. Penglihatannya (Muhammad) tidak berpaling dari yang dilihatnya itu dan tidak (pula) melampauinya. Sesungguhnya dia telah melihat sebahagian daripada tanda-tanda kekuasaan Tuhannya yang sangat agung".

Berdasarkan ayat-ayat tersebut, jelas menunjukkan bahawa peristiwa Israk dan Mikraj benar-benar dilalui oleh Rasulullah SAW dengan roh dan jasad baginda, dalam keadaan sedar atau bukan hanya igauan mimpi semata-mata. Justeru, kita wajib menyakini dengan sepenuh hati bahawa israk dan mikraj adalah benar-benar berlaku kepada Baginda SAW.

Jelas, israk dan mikraj adalah suatu peristiwa agung yang mencabar kemampuan teknologi moden bahkan menjangkau akal fikiran manusia yang terbatas. Di saat Rasulullah SAW menceritakan perihal Israk dan Mikraj kepada manusia, maka terdapat kalangan mereka yang meragui kesahihannya dan tidak mempercayai baginda. Bagi mereka peristiwa ini berlaku di luar batasan akal dan mencarik adat kebiasaan. Ada dalam kalangan mereka membenarkan baginda, ada yang sangsi dan lebih dahsyat lagi ada yang murtad daripada agama. Di saat ini, Sayyidina Abu Bakar R.A tampil ke hadapan membenarkan perkhabaran baginda Rasulullah SAW.

Beliau R.A berkata:

نَعَمْ ، إِنِّي لِأُصَدِّقُهُ بِمَا هُوَ أَعْبَدُ مِنْ ذَلِكَ ، أُصَدِّقُهُ بِخَيْرِ السَّمَاءِ

"Ya, sesungguhnya aku mempercayainya lebih jauh daripada itu, aku mempercayainya tentang berita dari langit".

Abu Salamah berkata: *"Dengan sebab peristiwa inilah digelarlah Abu Bakar dengan gelaran al-Siddiq radhi Allah 'anhu".*

**Sidang jemaah yang dirahmati Allah,**

Ibn Mas'ud meriwayatkan bahawa setelah selesai pembedahan yang dilakukan oleh Jibril Alaihis salam, didatangkan binatang bernama Buraq untuk ditunggangi oleh Rasulullah SAW dalam perjalanan luar biasa yang dinamakan Israk. Binatang ini dinamakan Buraq kerana ketangkasannya yang diumpamakan seperti al-barq (kilat).

Tidak syak lagi, perjalanan israk dan mikraj adalah perjalanan tauhid dan memperlihatkan tanda-tanda kekuasaan Allah yang tiada tolok bandingnya. Allah taala berfirman dalam Surah An-Najm, ayat 18:

لَقَدْ رَأَىٰ مِنْ آيَاتِ رَبِّهِ الْكُبْرَىٰ ﴿١٨﴾

Bermaksud: "Sesungguhnya dia (Muhammad) telah melihat sebahagian tanda-tanda kekuasaan Tuhannya yang sangat agung".

Justeru, janganlah kita bersikap angkuh dan sombong dengan kemajuan yang kita kecapai pada hari ini padahal ia adalah satu nilai yang sangat kecil di sisi Allah taala. Bahkan kita wajar berasa rendah diri dan tawaduk dengan kekuasaan Allah dengan mentaati segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Sudah tentu israk dan Mikraj merupakan peristiwa yang mengandungi mesej penting dalam setiap detik yang dialami oleh Rasulullah SAW. Antaranya:

Pertama : Penyucian zahir dan batin



Sebelum Israk dan Mikraj, Nabi Muhammad SAW dibedah dadanya oleh Jibril dan dicuci hati baginda dengan air zam-zam sebagai persediaan kepada Rasulullah SAW agar mampu memikul amanah besar dalam Islam. Lantaran itu, kita disarankan agar membersihkan jiwa dari kotoran dosa zahir dan batin ke arah pembentukan muslim yang kamil.

Kedua : Sentiasa taat kepada Allah

Perjalanan Rasulullah SAW dari Makkah ke Palestin memperlihatkan bagaimana baginda bersolat setiap kali berhenti di beberapa tempat bersejarah antaranya Thaibah atau Yathrib yang kemudiannya dikenali dengan nama al-Madinah al-Munawwarah, tempat di mana Rasulullah akan berhijrah. Seterusnya ke Bukit Tursina, iaitu tempat Nabi Musa AS menerima wahyu daripada Allah dan akhirnya ke Baitul-Lahm iaitu tempat Nabi Isa AS dilahirkan. Baginda mengajar kita menjadi umat terbaik yang taat kepada Allah taala dalam apa jua keadaan.

Ketiga : Masjid sebagai syiar Islam.

Perjalanan Israk baginda menunjukkan betapa masjid memainkan peranan yang penting dalam mengharmonikan kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Masjid bukan tempat ibadah semata-mata, ia adalah syiar Islam agung yang mesti dijaga kesuciannya bahkan berfungsi sebagai tempat rujukan menyelesaikan permasalahan sosial masyarakat.

Keempat : Islam agama semua para Nabi.

Di Masjid al-Aqsa, Jibril telah mendahulukan Nabi Muhammad SAW berbanding dengan nabi-nabi yang lain, baginda mengimamkan mereka di dalam solat sebelum diangkat ke langit. Ini menunjukkan bahawa Rasulullah



SAW adalah penghulu segala nabi dan agama yang dibawanya iaitu Islam adalah agama yang bersifat universal merangkumi semua nabi dan bangsa.

Kemuncak peristiwa ini adalah apabila baginda nabi SAW dianugerahkan solat lima waktu sehari dan semalam di Sidratul Muntaha. Boleh sahaja kefarduan solat itu diwahyukan ketika baginda berada di bumi tetapi ini berlaku untuk menunjukkan ketinggian solat dan peri pentingnya dalam kehidupan manusia.

Kelima : Kewajipan Menjauhi Riba

Dinukilkan dalam kitab al-Rahiq al-Makhtum, Rasulullah SAW diperlihatkan azab seksa yang ditimpakan kepada orang-orang yang memakan riba. Justeru, sempena **sambutan Hari Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna ke 47**, kita selaku pengguna mahupun peniaga bertanggungjawab memastikan aktiviti jual beli bebas daripada riba, gharar, khianat dan penipuan. Firman Allah SWT dalam surah al-Mutaffifin ayat 1-3 :

وَبَلِّغْ لِلْمُطَفِّفِينَ ﴿١﴾ الَّذِينَ إِذَا أَكَالُوا عَلَى النَّاسِ يَسْتَوْفُونَ ﴿٢﴾ وَإِذَا كَالُوهُمْ أَوْ وَزَنُوهُمْ

يُخْسِرُونَ ﴿٣﴾

Bermaksud: “Kecelakaan besar bagi orang-orang yang curang (dalam timbangan dan sukatan), iaitu mereka yang apabila menerima sukatan (gantang cupak) dari orang lain mereka mengambilnya dengan cukup, dan (sebaliknya) apabila mereka menyukat atau menimbang untuk orang lain, mereka kurangi.”

Sidang jemaah yang dirahmati Allah,

Antara kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah pada hari ini adalah seperti berikut:



Pertama: Peristiwa Israk dan mikraj merupakan anugerah Allah kepada Rasulullah SAW sebagai mukjizat agung dan menjadi dalil kebenaran baginda.

Kedua: Yakinlah sejauh mana kemajuan sains dan teknologi yang dicipta manusia tidak akan mampu menandingi kekuasaan Allah termasuk mukjizat yang dianugerahkan kepada Rasulullah SAW.

Ketiga: Kita wajib beriman dengan kebenaran peristiwa ini dan menghayati segala intipati yang terkandung di dalamnya sebagai ibrah, ilmu dan panduan hidup kita.

Firman Allah di dalam surah Ali Imran, ayat 190-191:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَأَخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِأُولِي
الْأَلْبَابِ ﴿١٩٠﴾ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي
خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

Bermaksud: “Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi, dan pada pertukaran malam dan siang, ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal; (laitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka”.

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ، وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيْمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِيْنَ، وَلِيِّ الصَّالِحِيْنَ وَنَاصِرِ الْمَظْلُوْمِيْنَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَي النَّبِيِّ الْأَمِيْنِ، صَفْوَةِ الْمُرْسَلِيْنَ وَإِمَامِ الْمُتَّقِيْنَ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِيْنَ، وَعَلَى التَّابِعِيْنَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، الْمَلِكُ الْحَقُّ الْمُبِيْنُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، الصَّادِقُ الْوَعْدُ الْأَمِيْنُ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللهِ، اتَّقُوا اللهَ حَقَّ تَقْوَاهُ، وَحَافِظُوا عَلَي صَلَاةِ الْجَمَاعَةِ، وَكُونُوا إِخْوَانًا مُّتَحَابِّينَ فِي اللهِ. وَعَلِّمُوا أَنَّ اللهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيْهِ بِنَفْسِهِ، وَثَنِّي بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ، فَقَالَ اللهُ تَعَالَى فِي مُحْكَمِ تَنْزِيلِهِ:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا



اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ: أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ سَائِرِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ وَإِحْسَانِكَ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.

اللَّهُمَّ أَيْدِ بَدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكْنَا كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَدُوْكَ بَكِيْنْدَا يَغْ دَفْرَتُوَانِ اَكُوْغْ، السُّلْطَانِ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دُوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سِرِي قَدُوْكَ بَكِيْنْدَا رَاجِ قُرْمَايسُوْرِي اَكُوْغْ، تُوْنُكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيْزَةُ أَمِيْنَةُ مِيْمُوْنَةُ إِسْكَنْدَرِيَّةُ بِنْتُ الْمَرْحُوْمِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعَمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَا لِيَزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءً رَخَاءً، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ وَحِينٍ، وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ
خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِنَا، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِنَا، وَاهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ، وَنَجِّنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى
النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، وَبَارِكْ لَنَا فِي أَسْمَاعِنَا، وَأَبْصَارِنَا،
وَقُلُوبِنَا، وَأَزْوَاجِنَا، وَذُرِّيَّاتِنَا، وَتُبْ عَلَيْنَا إِنَّكَ أَنْتَ التَّوَّابُ الرَّحِيمُ، وَاجْعَلْنَا شَاكِرِينَ
لِنِعْمِكَ، مُشِينِينَ بِهَا عَلَيْكَ، قَابِلِينَ لَهَا وَأَتَمِّهَا عَلَيْنَا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.